



# KENYATAAN MEDIA

## Media Release

Untuk siaran segera

### **TINGGAL 2 HARI LAGI UNTUK HANTAR BORANG B**

Cyberjaya, 28 Jun - Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memberikan peringatan kepada semua pembayar cukai yang **mempunyai punca pendapatan daripada perniagaan** bahawa mereka hanya ada dua hari sahaja lagi untuk menghantar Borang B dan menjelaskan bayaran cukai pendapatan mereka.

Setiap individu yang mempunyai pendapatan daripada punca perniagaan bertanggungjawab melengkapkan Borang B, menghantarnya kepada LHDNM dan menjelaskan amaun cukai yang dikenakan selewat-lewatnya pada 30 Jun setiap tahun. Kegagalan mereka menjalankan tanggungjawab tersebut adalah menjadi satu kesalahan dan boleh dikenakan penalti berkaitan seperti yang termaktub di bawah subseksyen 112 (3), Akta Cukai Pendapatan 1967. Di mana bagi kegagalan menghantar Borang B, penalti maksimum yang boleh dikenakan sehingga tiga kali ganda daripada amaun cukai yang ditaksir, manakala bagi lewat bayar cukai pula penalti maksimum yang boleh dikenakan adalah sehingga 15% daripada amaun cukai yang masih tertunggak.

Walau bagaimanapun, **kelonggaran diberikan kepada pembayar cukai yang ingin menggunakan perkhidmatan e-Filing untuk menghantar Borang B mereka.** Tempoh Tangguh (Grace Period) sehingga **15 Julai 2012** diperuntukkan untuk

kemudahan mereka melengkapkan, menghantar dan menjelaskan bayaran cukai pendapatan mereka. Pembayar cukai juga boleh memudahkan urusan bayaran cukai mereka melalui perkhidmatan e-Bayaran yang ditawarkan. Inisiatif ini diambil sebagai langkah untuk menggalakkan pembayar cukai beralih menggunakan kemudahan elektronik LHDNM yang ternyata Mudah, Tepat dan Selamat.

Sebarang maklumat lanjut sila layari [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) atau hubungi 1-300-88-3010.

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

**# # #**

<b>Dikeluarkan oleh</b>	<b>:</b>	<b>Masrun bin Maslim Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</b>
<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>28 Jun 2012</b>
<b>Nombor Telefon</b>	<b>:</b>	<b>03-8313 8888 samb: 21326 / 21327</b>
<b>Nombor Faks</b>	<b>:</b>	<b>03-8313 7836</b>
<b>Pusat Khidmat Pelanggan</b>	<b>:</b>	<b>1-300-88-3010</b>
		<b><u><a href="http://www.hasil.gov.my">www.hasil.gov.my</a></u></b>